**YEE FOK CHONG**

**lwn.**

**PP**

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
SU GEOK YIAM PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41-78-2001]
15 MEI 2003

***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Pertuduhan - Pertuduhan pindaan - Sama ada majistret mempunyai kuasa di bawah s. 158 Kanun Acara Jenayah untuk meminda pertuduhan yang asal - Perayu tidak diberi peluang oleh majistret untuk memanggil semula saksi-saksi pihak pendakwaan untuk disoal balas secara lanjut - Sama ada ketidakpatuhan s. 162 Kanun oleh majistret telah berlaku*

Dalam rayuan ini, perayu telah membangkitkan, diantara lain, dua persoalan tentang pertuduhan pindaan. Soalan pertama adalah sama ada majistret yang bijaksana mempunyai kuasa di bawah s. 158 Kanun Acara Jenayah ('Kanun') untuk meminda pertuduhan yang asal. Soalan yang kedua pula, ialah sama ada ketidakpatuhan s. 162 Kanun oleh majistret telah berlaku kerana menurut perayu, majistret telah tidak memberi peluang kepada perayu untuk memanggil semula saksi-saksi pihak pendakwaan untuk disoal balas secara lanjut dan jikalau ya, sama ada ia telah mengakibatkan 'miscarriage of justice'.

**Diputuskan:**

**[1]** Berkenaan soalan yang pertama, s. 158(i) Kanun bukan sahaja memberi kuasa kepada majistret untuk meminda pertuduhan tetapi juga mewajibkan majistret untuk berbuat demikian. (ms 699 c)

**[2]** Tentang soalan kedua pula, telah diperhatikan bahawa selepas pindaan dibuat, pihak pembelaan telah tidak memohon kepada majistret untuk memanggil semula mana-mana saksi pendakwaan untuk disoal balas secara lanjutnya. Ini bermakna bahawa pihak pembelaan menganggap adalah tidak perlu untuk mana-mana saksi pihak pendakwaan dipanggil semula untuk disoal balas selanjutnya. Tambahan pula, majistret telah memerintahkan pembelaan dipanggil selepas pindaan dibuat kepada pertuduhan asal. Oleh itu, tidak ada ketidakpatuhan s. 162 Kanun dilakukan oleh majistret. (ms 700 c-d & 701 g)

**[2b]** Disamping itu, perayu tidak mengalami sebarang prejudis dalam pembelaannya. Ini adalah kerana s. 162 Kanun hanya mewajibkan majisret untuk membenarkan sebarang saksi yang telah dipanggil untuk dipanggil semula untuk disoal balas secara lanjutnya. (ms 700 e-f)

**[3]** Majistret telah terkhilaf apabila beliau telah tidak mematuhi sebahagian daripada s. 159 Kanun apabila beliau tidak bertanya kepada tertuduh sama ada tertuduh bersedia untuk meneruskan dengan perbicaraan selepas pindaan dibuat. Walaupun begitu, s. 422 Kanun boleh dipakai dan atas dasar ini, tiada 'miscarriage of justice' telah timbul akibat ketinggalan majistret yang bijaksana untuk berbuat demikian. (ms 701 a)

*[Perintah sekadarnya.]*

**Kes-kes yang dirujuk:**
*Chhanka Dhanuk & Ors v. Emperor AIR [1927] Pat 398* ***(dirujuk)***
*Chiew Poh Kiong v. PP [2001] 7 CLJ 249 HC* ***(dibezakan)***
*Chok Mong Hoo v. PP [1995] 1 CLJ 678 HC* ***(dibezakan)***
*Hj Maamor Hj Abdul Manap v. PP [2003] 1 CLJ 370 HC* ***(dirujuk)***
*Lee Cheok Hin v. R [1956] MLJ 131* ***(dirujuk)***
*Mata Prasad v. Emperor [1920] Vol XVIII ALJR 371* ***(dirujuk)***
*Mohan Lal v. King-Emperor AIR [1924] All 665* ***(dirujuk)***
*Nagendran Nath Sen v. Emperor AIR [1932] Cal 486* ***(dirujuk)***
*PP v. Alinsug Geb Urbasik Axel & Anor [1995] 3 CLJ 143 HC* ***(dirujuk)***
*Yeow Fook Yuen & Anor v. R [1965] 2 MLJ 81* ***(dirujuk)***

**Perundangan yang dirujuk:**
Criminal Procedure Code, ss. 156, 158(i), 159, 162, 422
Penal Code, ss. 34, 420

*Bagi pihak PP - Adnan Aziz TPR*
*Bagi pihak tertuduh - GM Ravi (Jaya Balan); T/n J Balan & Co*

*Dilaporkan oleh Raja Vishnu Sivarajah*

## PENGHAKIMAN

**Su Geok Yiam PK:**

Berkenaan dengan rayuan terhadap sabitan mahkamah telah menolak rayuan perayu atas alasan-alasan seperti berikut:

Pertama, mahkamah berpuashati bahawa pertuduhan asal telah dibaca dan di terangkan kepada tertuduh dan difahami oleh tertuduh beberapa kali sebelum perbicaraan bermula dan juga beberapa kali selepas perbicaraan bermula.

Kedua, perayu telah diwakili oleh peguambela sejak perayu dituduh. Peguambela perayu tidak pernah menyatakan pertuduhan asal adalah defektif atas alasan tidak dinyatakan bagaimana penipuan telah dikata dilakukan oleh tertuduh dan seorang yang lain dan bahawa ini telah memudaratkan perayu dalam penyediaan pembelaanya. Oleh itu mahkamah berpuashati bahawa s. 156 Kanun Acara Jenayah, illustration (b) adalah terpakai dan tidak terdapat sebarang "miscarriage of justice" di bawah s. 422 Kanun Acara Jenayah.

Ketiga, mahkamah berpuashati bahawa kegagalan pihak pendakwaan untuk menyatakan dalam pertuduhan asal tentang caranya penipuan telah dilakukan adalah tidak penting kerana perayu tidak pernah mengadu bahawa perayu "was in fact misled by such omission".

Keempat, selepas pertuduhan di pinda oleh Majistret yang bijaksana untuk menyatakan secara terperinci bagaimana penipuan telah dilakukan, pertuduhan pindaan telah dibaca dan diterangkan kepada perayu dan perayu telah memahaminya serta meminta untuk dibicarakan. Selepas itu barulah Majistret yang bijaksana memutuskan bahawa mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah mengujudkan suatu kes *prima facie* seperti pertuduhan pindaan terhadap perayu dan dengan demikian perayu dipanggil membela dirinya. Ini telah dirakam dalam nota-nota keterangan di ms 63, Rekod Rayuan. Oleh itu kehendak dalam s. 158(ii) Kanun Acara Jenayah telah dipatuhi oleh Majistret yang bijaksana dalam kes ini.

Kelima, mahkamah berpuashati bahawa percanggahan-percanggahan dalam keterangan mangsa, PW1, yang telah dinyatakan dalam petisyen rayuan merupakan percanggahan-percanggahan yang kecil dan telah tidak menjejaskan kredibiliti PW1 atau berat keterangannya.

Dalam rayuan ini, perayu telah membangkitkan dua persoalan mengenai pertuduhan pindaan. Yang pertama ialah samada Majistret yang bijaksana mempunyai kuasa di bawah s. 158 Kanun Acara Jenayah untuk meminda pertuduhan yang asal sepertimana yang telah beliau buat dalam kes ini. Yang kedua ialah samada ketidakpatuhan s. 162 Kanun Acara Jenayah oleh Majistret yang bijaksana telah berlaku kerana menurut perayu Majistret yang bijaksana telah tidak memberi peluang kepada perayu untuk memanggil semula saksi-saksi pihak pendakwaan untuk disoal balas secara lanjut dan jikalau ya, samada ia telah mengakibatkan "miscarriage of justice".

Berkenaan dengan persoalan yang pertama, pada pendapat mahkamah, s. 158(i) Kanun Acara Jenayah dengan jelasnya bukan sahaja memberi kuasa kepada Majistret yang bijaksana untuk meminda pertuduhan tetapi juga mewajibkan Majistret yang bijaksana untuk berbuat demikian.

Seksyen 158(i) Kanun Acara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> 158(i) Any court may alter or add to any charge at any time before judgment is pronounced.

Seksyen 159 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> 159. If a charge is framed or alteration or addition made under either of the last two preceding sections, the court shall forthwith call upon the accused to plead thereto and to state whether he is ready to be tried on such charge or altered or added charge. If the accused declares that he is not ready, the court shall duly consider the reasons he may give and if proceeding immediately with the trial is not likely, in the opinion of the court, to prejudice the accused in his defence or the prosecutor in the conduct of the case, the court may, in its discretion, after such charge or alteration or addition has been framed or made, proceed with the trial as if the new or altered or added charge had been the original charge.

Seksyen 162 Kanun Acara Jenayah memperuntukkan seperti berikut:

> **Recall Of Witnesses When Charge Altered**
>
> 162. Whenever a charge is altered or added by the court after the commencement of the trial the prosecutor and **the accused shall be allowed to recall or re-summon and examine, with reference to such alteration or addition, any witness who may have been examined,** and may also call any further evidence which may be material. (Penekanan ditambah)

Dalam kes *Lee Cheok Hin v. R* [1956] MLJ 131, di ms 133, Taylor H telah berkata seperti berikut:

> ... It is the duty of the court to scrutinise the charge at the commencement of every summary trial. An amendment may be made at any stage and in general, the earlier the better but it is at the close of the evidence for the prosecution that the court is in the best position to decide exactly what is the case which the accused is required to meet. It is therefore the express statutory duty of the lower courts to consider every charge at that stage and if necessary to amend it then ... It is a mandatory provision which should always be strictly observed ...

Berkenaan dengan persoalan yang kedua mahkamah memerhatikan bahawa selepas pindaan dibuat, pihak pembelaan telah tidak memohon kepada Majistret yang bijaksana untuk memanggil semula mana-mana saksi pihak pendakwaan untuk disoal balas secara lanjutnya. Pada pendapat mahkamah, ini bermakna bahawa pihak pembelaan menggangap adalah tidak perlu untuk mana-mana saksi pihak pendakwaan di panggil semula untuk disoal balas selanjutnya. Oleh itu mahkamah berpuashati tidak ada ketidakpatuhan s. 162 Kanun Acara Jenayah oleh Majistret yang bijaksana. (Sila lihat *Yeow Fook Yuen & Anor v. R* [1965] 2 MLJ 81). Tambahannya, perayu telah tidak mengalami sebarang prejudis dalam membuat pembelaannya. Sebabnya ialah s. 162 Kanun Acara Jenayah hanya mewajibkan Majistret yang bijaksana untuk membenarkan sebarang saksi yang telah dipanggil untuk dipanggil semula untuk disoal balas secara lanjutnya. Ini bermakna pihak yang ingin saksi atau saksi-saksi tersebut dipanggil semula hendaklah memohon kepada mahkamah untuk kebenaran berbuat demikian. Sekiranya ini dilakukan dan Majistret yang bijaksana telah menolak permohonan itu barulah boleh dikatakan terdapat ketidakpatuhan s. 162 Kanun Acara Jenayah oleh Majistret yang bijaksana kerana mahkamah tidak ada sebarang budi bicara untuk menolak sebarang permohonan untuk memanggil semula seseorang saksi walaupun saksi itu adalah bukan saksi yang material dan pindaan berkenaan telah tidak memprejudiskan tertuduh. (Sila lihat kes-kes *Nagendran Nath Sen v. Emperor* AIR [1932] Cal 486 at p. 487; *Chhanka Dhanuk & Others v. Emperor* AIR [1927] Pat 398 at p. 400; *Mohan Lal v. King-Emperor* AIR [1924] All 665; and *Hj. Maamor Hj. Abdul Manap v. Public Prosecutor* [2003] 1 CLJ 370 at pp. 380 and 381). Tetapi keadaan itu telah tidak berlaku dalam rayuan ini.

Dalam kes ini Majistret yang bijaksana telah terkhilaf apabila beliau telah tidak mematuhi sebahagian daripada s. 159 Kanun Acara Jenayah apabila beliau tidak bertanya kepada tertuduh samada tertuduh bersedia untuk meneruskan dengan perbicaraan selepas pindaan dibuat. Walaubagaimanapun, s. 422 Kanun Acara Jenayah boleh dipakai dan mahkamah berpuashati bahawa tiada "miscarriage of justice" telah timbul akibat ketinggalan Majistret yang bijaksana untuk berbuat demikian.

Adalah jelas daripada nota-nota keterangan dalam Rekod Rayuan iaitu di ms 64, Rekod Rayuan bahawa apabila tertuduh dipanggil untuk membela diri, peguambela tertuduh telah memohon supaya kes ditangguhkan kepada tarikh lain untuk di sambung bicara dan permohonan itu telah dibenarkan oleh Majistret yang bijaksana. Peguambela tertuduh juga telah memohon untuk nota-nota keterangan dan juga sesalinan pertuduhan pindaan.

Selepas itu kes telah ditangguhkan sebanyak empat kali untuk disambung bicara baru tertuduh membuat pembelaanya. Oleh yang demikian, tertuduh memang mempunyai peluang untuk membuat penyediaan yang secukup-cukupnya untuk pembelaannya.

Kes *Chiew Poh Kiong v. Public Prosecutor* [2001] 7 CLJ 249 yang dirujuk oleh En. Ravi, peguambela yang bijaksana, dalam rayuan ini yang telah diputuskan oleh Ian Chin H boleh dengan hormatnya diperbezakan.

Sebabnya ialah dalam kes tersebut, mahkamah rendah berkenaan telah menyabitkan tertuduh selepas sahaja meminda pertuduhan asal tanpa memanggil pembelaan walaupun tertuduh berkenaan telah tidak mengaku salah kepada pertuduhan pindaan yang telah dibaca dan diterangkan kepadanya sepertimana diperuntukkan di bawah s. 159 Kanun Acara Jenayah sebelum memanggil perayu untuk pembelaannya. Dalam kes ini, Majistret yang bijaksana telah memerintahkan pembelaan dipanggil selepas pindaan dibuat kepada pertuduhan asal dan tambahannya pihak pembelaan telah tidak memohon kepada mahkamah untuk memanggil semula mana-mana saksi pihak pendakwaan untuk disoal balas secara lanjutnya.

Mahkamah ini menerima penghujahan En. Ravi bahawa pindaan adalah penting. Sebabnya ialah pindaan yang dibuat adalah untuk menyatakan secara terperinci bagaimana penipuan telah dilakukan dan adalah jelasnya bahawa ciri-ciri bagaimana penipuan dilakukan adalah berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan sebelum tamat kes pihak pendakwaan.

Mahkamah ini berpuashati bahawa tidak ada kesilapan dalam keputusan Majistret yang bijaksana pada akhir kes pihak pendakwaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya menunjukkan segala kandungan dalam pertuduhan pindaan terhadap perayu iaitu bahawa tertuduh bersama-sama dengan dua orang lagi yang masih bebas bagi menjalankan niat yang sama pada tarikh, waktu dan tempat yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan, dengan melakukan suatu ujian pertukaran warna air dalam suatu bekas, telah memperdayakan mangsa bahawa beliau mengidap penyakit barah, bahawa wang diperlukan untuk seorang pesakit barah yang lain dan bahawa wang tersebut akan dikembalikan kepadanya dalam masa seminggu kemudiannya, dengan memberi suatu bungkusan berbalut wang RM10 yang dikatakan mengandungi suatu batu tetapi sebenarnya hanya suatu benda berbentuk gula-gula, telah dengan curangnya mendorong simangsa untuk menyerahkan wang tunai berjumlah lebih kurang RM27,800 milik beliau kepada perayu.

Mahkamah ini telah menolak penghujahan En. Ravi bahawa pihak pendakwaan mesti membuktikan bahawa segala butir penipuan yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan telah dilakukan oleh perayu seorang untuk memujuk mangsa membayar sejumlah wang RM27,800 kepada perayu. Sebabnya ialah tertuduh dituduh telah melakukan satu kesalahan di bawah s. 420 Kanun Kesiksaan yang dibaca bersama s. 34 Kanun Kesiksaan yang sama bersama-sama dua orang lagi yang masih bebas bagi melanjutkan niat yang sama untuk melakukan kesalahan itu. Mahkamah telah juga menolak penghujahan En. Ravi bahawa tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa terdapat “common intention” semasa perbuatan-perbuatan yang berasingan dilakukan oleh tertuduh dan dua orang lagi yang masih bebas kerana nota-nota keterangan dalam rekod rayuan dengan jelasnya menunjukkan sebaliknya. (Sila lihat *Public Prosecutor v. Alinsug Geb Urbasik Axel & Anor* [1995] 3 CLJ 143). Mahkamah berpuashati bahawa keputusan Majistret yang bijaksana pada akhir kes pembelaan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan pertuduhan pindaan terhadap perayu tanpa sebarang keraguan munasabah kerana pembelaan tertuduh telah tidak

menimbulkan keraguan yang munasabah adalah teratur berdasarkan kepada keterangan yang telah diberikan oleh saksi-saksi pihak pendakwaan. Oleh itu sabitan terhadap perayu adalah teratur dan seharusnya dikekalkan. Kes *Mata Prasad v. Emperor* [1920] Vol XVIII ALJR 371 boleh diperbezakan kerana tidak dinyatakan dalam kes tersebut bahawa perayu telah dituduh kerana telah melakukan penipuan bersama-sama dengan seorang yang lain di bawah s. 34 Kanun Kesiksaan.

Kes *Chok Mong Hoo v. Public Prosecutor* [1995] 1 CLJ 678 juga boleh diperbezakan kerana Majistret yang bijaksana berkenaan hanya membenarkan pihak pembelaan memanggil semula saksi-saksi pihak pembelaan.

Berkenaan dengan rayuan terhadap hukuman sebatan mahkamah telah mengenepikan hukuman sebatan dua kali kerana pada tarikh rayuan didengar perayu telah berumur lebih daripada 50 tahun. Berkenaan dengan rayuan terhadap hukuman penjara dan denda mahkamah menolak rayuan perayu atas alasan-alasan yang berikut:

Mahkamah berpendapat bahawa hukuman penjara dua tahun dan denda RM10,000 kalau tidak dibayar, enam bulan penjara, adalah satu hukuman yang wajar dikenakan dan setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh tertuduh walaupun perayu merupakan pesalah pertama dan tidak ada keganasan yang telah digunakan dalam melakukan kesalahan dalam rayuan ini.

Sebab-sebabnya adalah pertama, kesalahan menipu di bawah s. 420 Kanun Kesiksaan adalah satu yang serius memandangkan hukuman mandatori ialah pemenjaraan dan hukuman penjara yang minima ialah satu tahun serta hukuman maksimum ialah 10 tahun. Mahkamah sering baca dalam surat khabar tentang orang tua yang sering ditipu oleh penjenayah seperti perayu dan rakan-rakan sejenayahnya dalam rayuan ini dengan cara yang sama. Oleh itu mahkamah berpendapat bahawa untuk memenuhi kepentingan awam hukuman yang dikenakan seharusnya lebih berkesan sebagai pencegah kepada perayu serta orang-orang lain yang berfikiran bahawa perbuatan menipu sedemikian adalah satu cara yang mudah untuk mengaut keuntungan sedangkan perayu merupakan seorang yang sihat dan kuat dan sudah tentunya perayu berupaya mencari rezeki hidupnya dengan cara yang tidak menyalahi undang-undang. Maka hukuman penjara dua tahun yang dikenakan keatas perayu oleh Majistret yang bijaksana akan mendorong perayu supaya tidak mengulangi perbuatan menipunya. Ini adalah faktor utama sesuatu hukuman dijatuhkan. Majistret yang bijaksana telah mengambil kira faktor

bahawa wang simpanan sekian lama oleh mangsa yang merupakan seorang perempuan tua iaitu RM27,800 yang merupakan sejumlah wang yang besar telah lesap begitu sahaja dalam sekelip mata kepada tertuduh dan dua orang yang lain yang masih bebas melalui suatu cara penipuan yang mereka lakukan secara begitu senang dan menyakinkan. Ini tentu menjejaskan kehidupan dan keadaan ekonomi mangsa dan suaminya.